

PM dijangka perinci dasar meritokrasi di perjumpaan khas UMNO

UM 5 AUG 2001
KUALA LUMPUR 4 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka memperincikan mengenai dasar meritokrasi dalam perjumpaan khas UMNO pada 8 Ogos ini.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, dasar itu dibuat kerana UMNO mahu melihat bangsa Melayu mempunyai kualiti yang berketrampilan dan mempunyai semangat daya saing yang tinggi.

Katanya, perjumpaan itu amat penting untuk menentukan masa depan dan hala tuju bangsa Melayu di negara ini.

Tegas beliau, penjelasan itu juga nanti dapat menghentikan putar-belit pembangkang yang memanipulasi isu tersebut supaya rakyat membenci kerajaan dan UMNO.

Muhammad berkata, pelaksanaan dasar itu bukan untuk merugikan orang Melayu dan pembangkang tidak harus bersikap 'menangguk di air keruh'.

"Kita tidak ada hasrat menghapuskan hak istimewa orang Melayu, jika begitu apa gunanya kita jadi kerajaan.

"Sebaliknya kita mahu memperkukuhkan orang Melayu sesuai dengan era globalisasi agar kedudukannya setaraf dengan bangsa lain," katanya kepada *Mingguan* di sini hari ini.

Penerangan

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kebimbangan pihak tertentu mengenai pelaksanaan dasar itu yang dianggap akan menjejaskan peluang orang Melayu melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi negara.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan melaksanakan dasar itu dengan cara yang membina untuk menyedarkan orang Melayu agar mengambil berat terhadap pendidikan bagi kebaikan mereka sendiri.

Katanya, dasar tersebut akan diteruskan tetapi ia akan diperincikan.

"Kita tidak akan menghancurkan segala-galanya (sebaliknya) akan melaksanakan dengan cara yang membina.

"Tetapi setakat ini, saya belum dapat menghuraikannya lagi kerana saya akan memberi penerangan kepada anggota UMNO tidak lama lagi, saya akan jelaskan kepada mereka apa yang kita cadang hendak lakukan untuk menyedarkan ibu bapa dan masyarakat Melayu supaya mereka memberi perhatian bersungguh-sungguh kepada pendidikan untuk kebaikan diri mereka," katanya.

Muhammad berkata, cadangan itu akan dihalusi dari segi pelaksanaannya untuk memastikan ia memberi kesan baik kepada orang Melayu.

Katanya, setakat ini cadangan itu telah berjaya mengejutkan orang Melayu daripada terus leka untuk mengelak mereka dari ketinggalan dalam arus perdana kemajuan.